



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Aishah Ghani serah tiga kerusi roda

● **MENTERI** Kebajikan Am, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani (tengah) menolak sebuah dari tiga kerusi roda yang disampaikan kepada tiga pertubuhan kebajikan orang-orang cacat di Fawazam Cathay, Kuala Lumpur malam kelmarin.

Penyerahan kerusi roda itu sempena tayangan filem perdana 'Clash of the Titans' untuk mengutip derma bagi Yayasan Amal Rotary Pudu.

Dalam ucapannya di majlis itu, Datin Paduka Hajjah Aishah memuji Pertubuhan Cathay kerana mengambil dayausaha membina laluan curam bagi memudahkan orang-orang cacat masuk ke panggung menikmati tayangan gambar.